

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 24.5.2016**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan hasil siasatan terhadap Guru Besar SJKC Kheng Chee, Puchong dan sama ada Guru Besar berhak merotan murid-murid yang terlupa membawa bahan bacaan tambahan yang bukan diwajibkan oleh Kementerian Pendidikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Fungsi asas sesebuah sekolah adalah sebagai institusi untuk mendidik. Sebarang hukuman yang dilaksanakan adalah dalam konteks mendidik untuk mengajar murid-murid tentang tanggungjawab mematuhi undang-undang dan peraturan sekolah. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan tanggungjawab kepada pihak sekolah untuk menguatkuasakan disiplin dan peraturan-peraturan sekolah di samping menjelaskan kepada ibu bapa supaya mereka memahami tujuan tersebut.

Berdasarkan peraturan yang ditetapkan menerusi Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru, jenis-jenis hukuman yang dibenar dilaksanakan di peringkat sekolah hanyalah

amaran, denda, penahanan (*detention*), rotan, penggantungan dan pembuangan. Hukuman rotan, penggantungan dan pembuangan hanyalah merupakan pilihan terakhir setelah semua usaha bimbingan, nasihat serta tunjuk ajar dilakukan, malah pihak sekolah perlu memaklukkannya terlebih dahulu kepada ibu bapa mereka mengenai tindakan yang akan dikenakan.

Peraturan-Peraturan Pelajar (Disiplin Sekolah) 1959 telah memberi kuasa kepada guru besar melaksanakan hukuman rotan seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan tersebut. Guru besar juga boleh menurunkan kuasa kepada guru lain untuk melaksanakan hukuman ini dengan syarat guru tersebut adalah guru berdaftar. Semua sekolah telah diberi garis panduan dalam melaksanakan hukuman rotan dan garis panduan tersebut perlu dipatuhi.

Bagi isu Guru Besar SJKC Kheng Chee, Puchong yang telah merotan murid kerana tidak membawa buku bahan bacaan tambahan, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana telah menyiasat perkara tersebut. Pendekatan yang sewajarnya telah diambil bagi memastikan perkara seumpama itu tidak akan berulang di masa hadapan.